

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, 7 April, 2019 10:44 AM
To: UUM - All Staff
Subject: Pentadbir Sebagai Kitab Bergerak Jadi Rujukan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

07 APRIL 2019 / 01 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PERPATI

PENTADBIR SEBAGAI KITAB BERGERAK JADI RUJUKAN



UUM ONLINE: “Pentadbir boleh ditafsir sebagai ‘kitab bergerak’ kerana setiap pentadbir merupakan tempat rujukan Dekan atau Ketua Jabatan masing-masing,” kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali kepada lebih 150 Pegawai Tadbir dan Ikhtisas yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai Pengurusan Dan Profesional (Tadbir & Ikhtisas) UUM (PERPATI) di Dewan Seminar A, baru-baru ini.

Menurutnya, pentadbir adalah aset yang penting kepada jabatan, sedangkan Dekan atau Ketua Jabatan sentiasa bertukar ganti setiap tahun.

Justeru, katanya, pentadbir yang baik sentiasa menjadi penasihat kepada Dekan dan Ketua Jabatan dan sekiranya berlaku arahan pertukaran, pentadbir perlu menerima pertukaran tersebut secara positif dan menerimanya sebagai satu pengiktirafan kepada diri.

Dr. Hendrik yang mewakili Naib Canselor turut meminta agar setiap pentadbir sentiasa menjaga imej universiti semasa berurusan dengan pelanggan terutamanya pelajar.

“Kita perlu cuba selesaikan setiap urusan secara profesional dan tidak menjadikan pelanggan seperti bola, malah pentadbir perlu bergerak ke arah Revolusi Industri Keempat (IR 4.0).

“Sistem mentoring perlu diwujudkan untuk mendidik pegawai baru supaya lebih terlatih dan tidak melakukan kesilapan di dalam urusan harian dan sistem ini perlu diketuai oleh PERPATI,” katanya yang turut menggesa pentadbir untuk bergerak dengan lebih aktif dan tidak menjadikan prasarana yang kurang sebagai penghalang kepada peningkatan prestasi.

Sementara itu, Pendaftar, Baharudin Yaacob dalam ucapan penangguhannya mengingatkan supaya pentadbir sentiasa arif tentang selok-belok urusan pentadbiran dan sentiasa menjadi rujukan agar tidak menjadi liabiliti kepada jabatan masing-masing.

Timbalan Presiden PERPATI, Abd. Rahman Md. Isa menggesa semua ahli agar memberi sokongan kepada apa jua aktiviti yang dilaksanakan sama ada dari sudut buah fikiran, penyertaan atau sumbangan lain yang memberi manfaat kepada persatuan.

Beliau turut menyatakan bahawa selain menjaga kebajikan ahli, PERPATI perlu bergerak seiring dengan pengurusan universiti dalam menjadikan kesemua ahli lebih cekap dalam penyampaian perkhidmatan seiring dengan wawasan Menteri Pendidikan untuk menjadikan universiti untuk masyarakat.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.